

**PERUTUSAN
HARI RAYA AIDILFITRI 2023
YANG AMAT BERHORMAT
DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL
RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG
HAJI OPENG
PREMIER SARAWAK**

NOTA KPD PENGARANG

**TIDAK BOLEH DIKELUARKAN SEBELUM JAM 5.00 PTG
PADA HARI JUMAAT, 21 APRIL 2023 JIKA HARI RAYA
JATUH PADA 22 APRIL 2023**

1. Bismillahirrahmanirahim, Al-hamdulillahi Rabbil Alamin Wabihi Nasta inu Ala Umuriddunya Waddin. Allahumma Sholli Ala Sayyidina Muhammad Wa Ala Ali Muhamad. Assalamu'aalaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Aidilfitri, Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang.

2. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah hil Hamd.
3. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhana Wa'Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat menyempurnakan ibadah puasa di sepanjang bulan Ramadhan dan berjumpa lagi Aidilfitri pada tahun ini.
4. Marilah kita sama-sama menginsafi segala ujian dan cabaran yang diharungi seluruh rakyat Malaysia dan dunia amnya, dalam menghadapi ancaman wabak Covid-19 yang tidak pernah kita lihat sebelum ini.
5. Tidak dapat dinafikan pandemik COVID-19 telah mendatangkan kesulitan dan bebanan kepada rakyat. Dalam membantu rakyat dalam mengharungi cabaran ekonomi pasca pandemik COVID-19 dan mengurangkan kenaikan kos sara hidup serta kos menjalankan perniagaan. Kerajaan Sarawak telah memutuskan untuk meneruskan pemberian Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) pada diskaun bil elektrik sebanyak lima peratus hingga 25 peratus untuk pengguna domestik, komersial dan industri untuk enam bulan pertama tahun ini yang melibatkan sejumlah RM200 juta, tambahan kepada RM6.7 bilion yang telah disalurkan menerusi pakej BKSS 1.0 hingga 9.0 sebelum ini.

6. Kita juga sedar bahawa situasi Covid-19 di negara kita dan di seluruh dunia belum pulih dan kita harus sentiasa berjaga-jaga supaya semua kita terus selamat. Pandemik telah mengubah bagaimana kita melihat masa hadapan yang semakin berpaksikan teknologi digital, teknologi hijau, dekarbonisasi dan kelestarian sumber.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

7. Perubahan lanskap pembangunan global ke arah masa hadapan dunia yang lestari telah meyakinkan Kerajaan GPS pimpinan untuk merangka Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS) 2030 untuk melakar hala tuju pasca Covid yang jelas berteraskan kemajuan ekonomi, keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar. Saya yakin dengan strategi yang digariskan dalam PCDS 2030 Sarawak mempunyai keupayaan untuk terus berada pada landasan yang kukuh ke arah menjadi sebuah wilayah maju berpendapatan tinggi menjelang 2030, insyallah.

8. Impian Sarawak ini harus disokong oleh sumber modal insan yang terlatih dan berpengetahuan luas dengan sistem pendidikan yang bertaraf dunia kerana kekakyaan sumber asli sahaja tidak menjamin kejayaan kita sepenuhnya. Ini boleh kita pelajari

daripada pengalaman negara seperti Singapura dan Jepun yang mampu menjadi sebuah kuasa ekonomi kerana kekuatan sumber manusianya walaupun tidak mempunyai sumber asli.

9. Oleh itu, Sarawak di bawah Kerajaan GPS akan terus memperkukuhkan sistem pendidikan negeri ini selaras dengan Peruntukan Fasal 17 Inter-Governmental Committee Report (IGC) yang memberi kuasa kepada Sarawak dan juga Sabah untuk menentukan dasar sistem pendidikannya sendiri walaupun pendidikan adalah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

10. Kesungguhan Kerajaan Sarawak ke arah melahirkan sumber modal insan yang disesuaikan dengan keperluan negeri dan bertaraf global boleh dilihat daripada cadangan pengwujudan lima buah sekolah antarabangsa yang menggunakan silibus Cambridge. Salah satu daripada sekolah tersebut sudahpun beroperasi di Kuching.

11. Selain itu, Sarawak mempunyai empat buah universiti yang dimiliki melalui Yayasan Sarawak iaitu Swinburne University of Technology, Curtin University, University of Technology Sarawak (UTS) dan iCATS University College. Sarawak juga mempunyai pusat latihan, iaitu CENTEXS yang memiliki kampus-kampus cawangan di beberapa tempat di negeri ini.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

12. Ramadan harus mengajar kita untuk lebih bersabar dan senantiasa tunduk kepada perintah Allah. Mudah-mudahan dengan melalui tarbiah Ramadhan sepanjang sebulan yang lalu kita akan menjadi insan yang lebih bertakwa dan bertawaduk, lebih tabah dan reda dengan segala ujian dan ketentuan Allah.

13. Sesungguhnya fajar syawal itu akhirnya datang menyinsing, setelah terbenam mentari Ramadhan. Bulan yang dipenuhi dengan pakej kemuliaan dan sinar keberkatan pada-Nya diturunkan Al-quran serta dikurniakan lailatuqadar yakni malam yang lebih baik lagi afdhal keberkatannya dari seribu bulan.

14. Justeru, setelah sebulan puasa tidak hanya setakat menahan lapar dan dahaga malah kita telah bermujahaddah melawan nafsu sambil menyemai sifat keinsafan serta belas kasihan terhadap golongan yang kurang bernasib baik lagi serba kekurangan yang acap kali dihipit kesusahan hidup. Maka dengan penuh keinsafan umat Islam menyambut hari kemenangan pada Aidilfitri yang mulia dengan penuh rasa syukur dan suasana keriangian.

Saudara dan saudari yang dirahmati Allah,

15. Merujuk kepada mafhum Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21 yang mengajak semua umat Islam untuk mengikut ikutan Rasulullah SAW yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik di akhirat, serta ia pula menyebut dan sentiasa mengingati Allah dalam masa susah dan senang.

16. Begitulah ajaran Islam yang sentiasa menekankan tentang betapa pentingnya perencanaan dan ketertiban samada urusan duniawi mahupun soal ukhrawi terutama bagi berdepan dengan realiti dan cabaran dunia pada masa kini.

17. Walau bagaimanapun dalam keadaan sentiasa berjaga-jaga saya amat berharap saudara dan saudari dapat mengambil kesempatan yang ada untuk bergembira di samping keluarga dan rakan-rakan sempena meraikan Raya Aidilfitri pada tahun.

18. Bagi masyarakat pelbagai kaum dan agama di Sarawak, sudah menjadi kebiasaan musim perayaan seperti Raya Aidilfitri dikongsiakan keceriaan dan kegembiraannya dengan kaum-kaum lain. Sama juga seperti keadaan di Tahun Baru Cina, Gawai Dayak atau Krismas yang dimeriahkan dengan amalan kunjung-mengunjung.

19. Saya berdoa agar suasana keharmonian akan terus terjalin dalam memperkukuhkan suasana kesepaduan antara pelbagai kaum dan agama di Bumi Kenyalang ini.

Rakyat Sarawak yang dikasihi,

20. Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, saya menyambut baik Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada 24 Februari lepas kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM5.6 Bilion kepada negeri Sarawak. Melalui belanjawan ini, keutamaan akan diberikan kepada usaha untuk mempertingkatkan taraf kemudahan seperti jalan raya, klinik dan sekolah di negeri ini.

21. Walaupun jumlahnya peruntukan ini tidak mencukupi tetapi kita harus menggunakan jumlah yang disalurkan dengan sebaik-baiknya untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Dengan pendapatan negeri yang dijangka terus meningkat Kerajaan Sarawak turut akan meneruskan pembinaan jalan-jalan raya dan melengkapkan pembangunan utiliti seperti bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar.

Saudara dan saudari yang dikasihi,

22. Islam sentiasa menyeru umatnya agar bersikap jujur dan ikhlas serta mempunyai sifat berbaik sangka, tolong-menolong, bersatu-padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain. Nilai-nilai mulia seperti ini hendaklah dihayati kerana umat Islam diumpamakan seperti anggota tubuh yang saling memerlukan antara sesama anggota badan lain. Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya daripada Nukman Bin Basyir RA, daripada Nabi SAW baginda bersabda 'Perumpamaan kaum Mukmin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit.

23. Oleh itu, marilah kita sama-sama mulakan langkah dengan merapatkan saf, bersatu-padu melupakan segala sengketa dan perselisihan faham walaupun kita berbeza dalam banyak perkara dan berusaha untuk bangkit semula menjadi umat yang kuat, bermaruah dan bermatlamat demi kepentingan agama dan ibu pertiwi. Sesungguhnya, perpaduan adalah asas kepada keharmonian dan pembangunan sesebuah negara. Sebaliknya, perpecahan, perbalahan dan permusuhan akan membawa kehancuran dan kemusnahan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi,

24. Sebagai penutup, saya menyeru kepada saudara dan saudari untuk terus berusaha ke arah memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan kita yang mempunyai pelbagai agama, bangsa dan budaya di Bumi Kenyalang yang tercinta ini.

25. Akhir kalam, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dan semoga kita beroleh kesejahteraan dan dikurniakan dengan kesihatan yang baik.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, Terima Kasih.

